

Tarikh Dibaca: 04 April 2025M | 05 Syawwal 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MUHASABAH EIDULFITRI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"MUHASABAH EIDULFITRI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ
النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ
النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua

¹ Ar-Rum: 30

² Ali-'Imran: 102.

diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"MUHASABAH EIDULFITRI"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hadirnya bulan Syawwal dan perginya bulan Ramadhan, hendaklah dijadikan sebagai fasa peralihan untuk kita menjadi hamba Allah SWT yang lebih baik dan bukannya meninggalkan masa yang lalu tanpa membawa perubahan kepada tingkah laku dan amal soleh.

Jika bulan Ramadhan merupakan ujian bagi kita dalam menahan nafsu syahwat serta lapar dan dahaga, maka bulan Syawwal juga hakikatnya merupakan ujian bagi kita, sama ada kita mampu terus beristiqamah sebagai hamba Allah SWT yang soleh atau sebaliknya.

Jika bulan Ramadhan merupakan proses untuk kita mencapai matlamat menjadi hamba Allah SWT yang bertakwa, sepertimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 183:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Supaya kamu bertaqwa"

Maka, bulan Syawwal adalah waktu untuk menilai hasil usaha kita, apakah kita benar-benar telah menjadi hamba Allah SWT yang bertaqwa atau sebaliknya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Eidulfitri bukan sekadar hari di mana umat Islam kembali menikmati makan dan minum setelah sebulan berpuasa. Lebih daripada itu, ia melambangkan kembalinya seorang hamba kepada Allah SWT dalam keadaan suci, mendapat keampunan dan rahmat-Nya.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda mafhumnya:

"Sesiapa yang melaksanakan puasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan ihtisab (mengharapkan pahala dan reda daripada Allah), maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah dilakukannya dahulu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Keadaan suci daripada dosa ini hampir menyamai fitrah yang murni dan lurus. Oleh itu, bulan Syawwal seharusnya menjadi medan untuk kita memelihara fitrah ini dengan terus beristiqamah, berpegang teguh kepada ajaran Islam, serta menjauhi segala perkara keji yang boleh menjerumuskan kita ke lembah maksiat dan dosa.

Demikianlah yang diperintahkan kepada Rasulullah SAW, sepertimana dalam ayat dalam surah Ar-Rum ayat 30 yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (Turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya;

Tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; Itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Ayat ini dengan jelas menegaskan bahawa agama Allah SWT adalah fitrah semula jadi yang telah tertanam dalam diri setiap insan sejak penciptaannya. Oleh itu, fitrah ini harus dipelihara sebaik mungkin agar tetap teguh dalam kebenaran.

Ayat ini juga berkait rapat dengan perjanjian setiap insan di alam roh di hadapan Allah SWT, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-A'raf ayat 172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى
أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا
عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."

Namun, dunia ini adalah medan ujian, di mana setiap manusia akan menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran, terutama godaan hawa nafsu serta tipu daya Iblis dan syaitan. Ingatlah, Iblis dan syaitan merupakan musuh utama manusia yang tidak pernah berhenti berusaha menyesatkan dan memesongkan umat manusia daripada jalan kebenaran.

Sebagaimana yang disebut dalam sebuah hadis daripada 'Iyadh bin Himar Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah SAW pada suatu hari menyebut hadis qudsi dalam khutbahnya:

أَلَا إِنَّ رَبِّي أَمَرَنِي أَنْ أُعَلِّمَكُم مَّا جَهِلْتُمْ، مِمَّا عَلَّمَنِي يَوْمِي هَذَا: كُلُّ مَالٍ نَحَلْتُهُ عَبْدًا حَلَالٌ، وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلِّهُمْ، وَإِنَّهُمْ أَتَتْهُمْ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنْ دِينِهِمْ، وَحَرَّمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحَلَلْتُ لَهُمْ، وَأَمَرْتُهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya Tuhanku telah memerintahkan aku untuk mengajarkan kepada kalian apa yang kalian tidak ketahui daripada apa yang Dia ajarkan kepadaku pada hari ini: Setiap harta yang Aku berikan kepada seorang hamba adalah halal. Dan sesungguhnya Aku telah menciptakan hamba-hamba-Ku dalam keadaan hanif (cenderung kepada kebenaran) semuanya. Namun, syaitan telah datang kepada mereka lalu menyesatkan mereka dari agama mereka, mengharamkan atas mereka apa yang telah Aku halalkan bagi mereka, dan memerintahkan mereka untuk menyekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak Aku turunkan keterangan tentangnya."

(Riwayat Muslim)

Hakikatnya, perjuangan melawan hawa nafsu dan tipu daya syaitan tidak terhenti dengan berlalunya Ramadhan. Sebaliknya, ia adalah proses berterusan yang menuntut keimanan, ketakwaan dan kesabaran sepanjang hayat. Oleh itu, jangan sekali-kali terpedaya dengan godaan syaitan, kerana

ia hanya membawa kepada kerugian dan penyesalan yang tiada berkesudahan.

Sidang Jumaat yang Berbahagia,

Di sebalik kegembiraan menyambut Syawwal, jangan kita lupa bahawa kita baru sahaja melalui madrasah Ramadhan yakni bulan yang mengajarkan keinsafan dan ketundukan kepada Allah SWT. Maka, teruskanlah momentum ini dengan memperkukuh amal soleh seperti solat berjemaah, mengimarahkan masjid dan surau, bersedekah, bertadarus al-Quran, serta amalan lainnya agar roh Ramadhan terus hidup dalam diri kita.

Jadikanlah masjid sebagai rumah kedua kita di mana setiap Muslim berhak untuk hadir ke masjid tanpa sebarang halangan atau sekatan. Raikanlah jemaah yang hadir dengan kasih sayang dan keterbukaan, bukan dengan penghinaan atau penilaian yang merendahkan sesiapa. Nazir dan Ahli Jawatankuasa masjid memainkan peranan penting dalam mencipta suasana yang mesra dan inklusif di masjid. Mereka tidak seharusnya memandang rendah kepada mereka yang mungkin hadir hanya sekali-sekala, tetapi sebaliknya perlu menggalakkan dan menarik lebih ramai orang untuk mendekatkan diri dengan masjid.

Isilah bulan Syawwal ini dengan amal kebajikan yang berterusan, dimulakan dengan mengamalkan puasa sunat enam hari. Puasa ini sangat dianjurkan oleh Rasulullah SAW, bahkan Baginda menyebut bahawa kelebihanannya menyamai pahala berpuasa sepanjang tahun.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Ayyub al-Ansari Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ
الدَّهْرِ".

"Sesiapa yang berpuasa bulan Ramadhan, kemudian diiringinya dengan puasa enam hari di bulan Syawwal, maka yang demikian itu adalah seperti berpuasa selama setahun."

(Riwayat Muslim).

Selain puasa enam, Islam juga menggalakkan amalan mengeratkan silaturrahim dan ukhuwah melalui ziarah-menziarahi, bermaaf-maafan, bersedekah, dan menjamu makan. Amalan-amalan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan sesama manusia, malah menjadi bukti keindahan akhlak Islam yang menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang.

Oleh itu, marilah kita manfaatkan bulan Syawwal ini sebagai ruang untuk terus memperteguh hubungan dengan Allah SWT dan memperbaiki hubungan sesama manusia, agar keberkatan Ramadhan terus berbekas dalam kehidupan kita.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari yang berbahagia ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menjadikan muhasabah diri sebagai satu amalan yang berterusan dalam kehidupan, khususnya setelah menyempurnakan sesuatu ibadah.

2. Umat Islam hendaklah sentiasa mengingati dan memelihara perjanjian kita dengan Allah SWT, yakni dengan berpegang teguh kepada agama-Nya sepanjang kita hidup di dunia ini.

3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa Eidulfitri bukan waktu untuk kembali kepada tabiat buruk yang lama, tetapi ia adalah waktu dan simbol kembalinya seorang muslim kepada fitrah suci, dengan terus beristiqamah dalam kebaikan dan menjauhi maksiat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا
تَفْعَلُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan Dia lah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan Ia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan".

(Surah As-Syura: 25)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اَللّٰهُمَّ اَصْلِحْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ
اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ،
سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ
الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ
عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ
اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا
الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤَظَّفِيْنَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah Tuhan Yang Maha Pengasih! Kami mohon kehadiranMu ya Allah, agar dikurniakan kesabaran dan ketabahan, kepada saudara-saudara kami yang terlibat dalam insiden letupan saluran paip gas yang berlaku di Putra Heights baru-baru ini. Kurniakanlah kesembuhan bagi mangsa yang tercedera, gantikanlah kerosakan dan kemusnahan harta-benda mereka dengan yang lebih baik, lapangkanlah hati mereka dalam menerima ujianMu dengan penuh sabar dan redha, serta jadikanlah musibah yang menimpa ini,

sebagai peringatan dan panduan buat kami semua, untuk sentiasa mengurus kehidupan berpandukan acuan dan panduan syariatMu.

Ya Allah, di saat umat Islam sedang menyambut kemenangan di bulan Syawwal dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan, dikala umat Islam bergembira menyambut lebaran dengan bertemu saudara-mara, rakan dan taulan, mereka diuji dengan ujian yang tidak disangka-sangka, yang tidak pernah mereka mahupun kami menduganya, kami yakin sesungguhnya apa berlaku adalah dengan kehendak dan ketentuanMu, oleh yang demikian, kurniakanlah keampunan kepada mereka ya Allah, atas kesabaran mereka menempuh ujian yang berat ini, yang tentunya mengandungi hikmah yang tersembunyi serta pengajaran yang terbaik untuk kami selaku hamba. Ya Allah, kesusahan mereka adalah kesusahan bagi kami, penderitaan mereka adalah penderitaan bagi kami, kesakitan mereka adalah kesakitan bagi kami dan kesedihan mereka adalah kesedihan bagi kami.

Demikian jua ya Allah, kami mohon keselamatan dan kesejahteraan kepada para petugas barisan hadapan, yang bertungkus lumus berkorban masa dan tenaga, meninggalkan urusan peribadi dan keluarga, demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan, dalam menyantuni dan membantu mangsa yang terlibat. Kurniakanlah ganjaran yang berlipat ganda, atas setiap pengorbanan yang mereka lakukan, serta permudahkanlah urusan mereka di dunia dan di akhirat.

اللَّهُمَّ اشْفِ الْمَصَابِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ الْبَأْسَ وَالضُّرَّ، وَعَافِهِمْ
وَاعْفُ عَنْهُمْ. اللَّهُمَّ أَجِرْهُمْ فِي مُصِيبَتِهِمْ، وَأَخْلِفْ لَهُمْ خَيْرًا
مِنْهَا.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.